

01/04/2004

Suka duka sebelum, selepas pilihan raya

Mohd Azlan Jaafar

DALAM tempoh 25 hari lalu, kita menjadi saksi pelbagai pengumuman, kejadian, pertelingkahan, perdebatan dan banyak episod menarik lain. Ada yang suka dan gembira atas kemenangan dan tidak kurang yang bersedih serta marah kerana kalah.

Pengumuman pembubaran Kabinet diikuti pemilihan calon yang bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-11, sehingga hari penamaan calon hanya sebahagian kecil daripada keghairahan berkenaan.

Reaksi mereka yang terpilih dan mereka yang kecundang pada hari penamaan calon sudah cukup mewarnai pilihan raya kali ini.

Dalam tempoh berkenaan juga Barisan Nasional (BN) kembali berkuasa. Kali ini dengan mandat lebih besar apabila 90 peratus kerusi Parlimen dirampas parti berkenaan.

Terengganu juga kembali dalam genggaman BN. Kekurangan dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) menghalang gabungan 14 parti itu merampas semula Kelantan daripada cengkaman Pas. Apa pun boleh berlaku dengan dua kerusi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang pertama kali menerajui BN pada pilihan raya umum penuh dengan senyuman. Pada sidang akhbar sehari selepas pilihan raya, Abdullah nampak puas walaupun hanya dapat tidur jam 4 pagi.

Beliau yang berpakaian baju Melayu hitam kerana akan ke Istana Negara bagi majlis pengurniaan surat cara pelantikan jawatan dan sumpah menyimpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong juga sempat bercerita mengenai butang baju Melayu dan pen yang diberikan ibunya, Allahyarham Datuk Khailan Hassan. Apa yang pasti, Abdullah adalah seorang yang sangat gembira pada hari berkenaan.

Tetapi bukan semua mempunyai kisah gembira. Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman adalah individu di tengah-tengah kontroversi.

Masalah pada hari pengundian, terutama kesukaran pengundi membuang undi di Selangor dan pengundian semula kerusi DUN Sungai Lembang adalah saat yang pasti mahu dilupakan beliau secepat mungkin.

Pelbagai desakan dibuat terhadap Abdul Rashid termasuk mendesaknya meletakkan jawatan selain menubuhkan suruhanjaya bebas bagi mengkaji perjalanan agensi itu.

Abdul Rashid yang kelihatan antara letih dan sugul pada malam keputusan pilihan raya seperti tidak menyangka masalah di Selangor dan Sungai Lembang berlaku.

Pada satu sidang akhbar, beliau berkata pada usianya yang sudah mencapai tahap umur pencen, adalah lebih baik ke kebun daripada berhadapan semua masalah ini.

Jelas Abdul Rashid begitu kecewa dengan apa yang berlaku. Tetapi beliau masih berpegang kepada amanah yang diberikan kepadanya dan menjawab semua tuduhan.

Beliau bukan satu-satunya yang kecewa. Pengumuman senarai Jemaah Menteri baru dalam kerajaan yang dibesarkan kepada saiz XL juga menyebabkan beberapa calon terkilan.

Dalam pengumuman Sabtu lalu, Abdullah membesarkan kerajaan kepada 33 menteri dan 28 kementerian. Seramai 14 menteri baru diumumkan termasuk pemecahan tiga kementerian.

Abdullah yang memasuki bilik sidang akhbar pada jam 12.25 tengah hari untuk mengumumkan Kabinet barunya berkata: "Saya minta maaf. Saya sedang

memperinci nama sekali lagi bagi memastikan saya memilih yang betul. Saya tidak mahu membuat sebarang kesalahan. Saya tidak mahu meninggalkan sesiapa keluar."

Tetapi memang beberapa nama terkeluar. Apa pun, beberapa calon yang sebelum ini dikatakan mengekalkan jawatan, tetapi namanya tercicir kelihatan agak kecewa kerana tidak terpilih.

Ketika ditemui dua hari sebelum Perdana Menteri mengumumkan barisan Kabinet baru, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata beliau tidak kisah kalau diberikan semula jawatan yang disandang kerana masih banyak yang beliau mahu lakukan.

Pada pagi pengumuman Kabinet, Tengku Adnan dikatakan berada di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk mengemaskan beberapa barangan peribadi daripada pejabatnya.

Ramai yang kecewa tetapi dalam politik, tiada yang pasti sehingga nama diumumkan.

Kesimpulan yang paling baik menggambarkan semua yang berlaku adalah petikan dari buku *The Malay Dilemma* oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

"The man who survives is the man who knows how to avoid danger. And the man who can avoid all dangers must of necessity be cunning and resourceful. The careless and the stupid will fall along the way."